



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

KHAMIS, 20 JULAI 2023

LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:

World Communications



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

20/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	BERAT KEPALA MENCECAH 45KG	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/07/989271/berat-kepala-mencecah-45kg	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	GADIS KORBAN MASA DEPAN BELA IBU, ANAK BUAH	
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/19/gadis-korban-masa-depan-bela-ibu-anak-buah/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	ANAK YATIM TOLAK TAWARAN UNIVERSITI KERANA KESEMPITAN HIDUP	
	https://www.sinarharian.com.my/article/268991/edisi/kelantan/anak-yatim-tolak-tawaran-universiti-kerana-kesempitan-hidup	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	DR ABDUL MONIR CADANG POLIS WANITA PAKAI TUDUNG	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1128486/dr-abdul-monir-cadang-polis-wanita-pakai-tudung	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	IBU TUNGGAL NAFI ABAI ANAK HINGGA DIBUNUH KEKASIH	
	https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2023/07/ibu-tunggal-nafi-abai-anak-hingga-dibunuh-kekasih-2/	UTUSAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

20/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
6	ILMU PENGEKODAN CUNGKIL POTENSI KREATIF PELAJAR	
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/19/ilmu-pengekodan-cungkil-potensi-kreatif-pelajar/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	OKU DIKHUATIRI LEMAS DALAM INSIDEN BOT KARAM DI ULU TUTOH, BARAM	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/oku-dikhuatiri-lemas-dalam-insiden-bot-karam-di-ulu-tutoh-baram/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	WARGA EMAS BERI 'TALIAN HAYAT' SELAMATKAN PESAKIT PERLUKAN DARAH	
	https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/sihat/2023/07/1128413/warga-emas-beri-talian-hayat-selamatkan-pesakit-perlukan-darah	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	DULU TERIMA ZAKAT, KINI PEMBAYAR ZAKAT	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/989394/dulu-terima-zakat-kini-pembayar-zakat	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	TIARA ANDINI BERDEPAN GANGGUAN SEKSUAL	
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/19/tiara-andini-berdepan-gangguan-seksual/	KOSMO.COM.MY



UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

kpwkm

20/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
11	MUNGKIN ROH MEREKA YANG SAYA NAMPAK KETIKA DI HOSPITAL - IBU MANGSA KEMALANGAN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/989404/mungkin-roh-mereka-yang-saya-nampak-ketika-di-hospital-ibu-mangsa-kemalangan	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	BUNTU CARI IBU KANDUNG ANAK ANGKAT	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/989426/buntu-cari-ibu-kandung-anak-angkat	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	DITIKAM 16 KALI, WANITA SETUJU KAHWINI KEKASIH	
	https://www.sinarharian.com.my/article/269048/video/socmed-flash/ditikam-16-kali-wanita-setuju-kahwini-kekasih	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/269090/global/wanita-nekad-kahwini-kekasih-tikamnya-sebanyak-16-kali	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	[VIDEO] WANITA PANIK INDIVIDU TIDAK DIKENALI LOMPAT ATAS CERMIN KERETA	
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/19/video-wanita-panik-individu-tidak-dikenali-lompat-atas-cermin-kereta/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	KONON DIDERA, RUPANYA LARIKAN DIRI BAWA BARANGAN BERHARGA, WANG MAJIKAN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/989489/konon-didera-rupanya-larikan-diri-bawa-barangan-berharga-wang-majikan	HMETRO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

20/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
16	'WANITA BESI' BEKAS OLAHRAGAWATI NEGARA TERIMA ANUGERAH TOKOH SUKAN	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1128755/wanita-besi-bekas-olahragawati-negara-terima-anugerah-tokoh-sukan	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
17	POLIS NAFI PEMBANTU RUMAH WARGA ASING DIDERA	
	https://www.sinarharian.com.my/article/269097/berita/semasa/polis-nafi-pembantu-rumah-warga-asing-didera	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
18	TAK HENTI CARI PENAWAR UNTUK AHMAD ARFAN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/989453/tak-henti-cari-penawar-untuk-ahmad-arfan	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
19	RUMAH MUSNAH TERBAKAR, BUSKER OKU RAYU BANTUAN ALAT MUZIK	
	https://www.sinarharian.com.my/article/269050/edisi/pahang/rumah-musnah-terbakar-busker-oku-rayu-bantuan-alat-muzik	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
20	NENEK JAGA EMPAT CUCU YATIM PIATU	
	https://www.sinarharian.com.my/article/269043/edisi/perak/nenek-jaga-empat-cucu-yatim-piatu	SINARHARIAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM




MALAYSIA
MADANI

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

20/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
21	IBU TUNGGAL TEKAD JADI 'POMEN', ELAK WANITA 'DIKETUK'	
	https://www.buletintv3.my/nasional/ibu-tunggal-tekad-jadi-pomen-elak-wanita-diketuk/?utm_source=BUTV3&utm_medium=beritaberkaitan	BULETINTV3.MY



TAJUK : BANTUAN BPMB LANCARKAN PROGRAM SOKONGAN IBU KANDUNG

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 20 JUL 2023

M/SURAT : 22

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Bantuan BPMB lancarkan Program Sokongan Ibu Kandung

Kuala Lumpur: Yayasan OrphanCare menerima sumbangan zakat korporat daripada Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) berjumlah RM325,591 bagi menajayakan Program Sokongan Ibu Kandung.

Program kali pertama dijalankan oleh yayasan berkenaan sejak penubuhan kemudahan sejak penubuhan kemudahan Baby Hatch yang disediakan bagi membolehkan ibu yang enggan dikenali menyerahkan bayi mereka dalam keadaan selamat di situ.

Pemegang Amanah Yayasan OrphanCare, Datuk Aminah Abdul Rahman, berkata program itu membolehkan pelbagai bantuan dan sokongan dapat diberikan kepada ibu.

Katanya, ia termasuk bantuan kewangan kepada ibu dalam menjaga anak mereka; menyediakan sokongan yang diperlukan kepada ibu yang menjadi ibu angkat; mengelak anak ditempatkan di institusi kebajikan dan untuk memastikan keselamatan program Family-Based Care.

"Kami sudah lama mahu melaksanakan pelbagai program

bantuan kepada ibu ini, namun kerana kekangan dana, kami tidak dapat melaksanakan.

"Bagaimanapun, dengan bantuan oleh BPMB ini, kami berharap program Program Sokongan Ibu Kandung ini dapat berjalan dengan lancar seperti diharapkan," katanya selepas Majlis Penyerahan Cek oleh BPMB di Yayasan OrphanCare di sini, baru-baru ini.

Cek itu disampaikan Ketua Kumpulan Pengurusan Syariah BPMB, Noor Aini Mohd Amin kepada Aminah.

Aminah berkata, program dimulakan pada Mei lalu, dapat memberi peluang mereka membantu pelbagai aspek kepada ibu bagi tempoh satu tahun.

Katanya, bantuan diberikan bergantung kepada keadaan ibu itu sendiri sama ada bantuan kewangan untuk menyambung pengajian, memulakan perniagaan, perubatan, penjagaan ibu dan bayi dan sokongan psikososial.

"Penting untuk membantu ibu ini kerana seperti kita sedia maklum, mereka daripada pelbagai latar belakang dan tidak tahu apa



Noor Aini (empat dari kiri) dan Aminah (tengah) pada majlis penyerahan cek BPMB di Yayasan OrphanCare di Kuala Lumpur, baru-baru ini. (Foto Amirudin Sahib/BH)

yang mereka hadapi sebelum ini.

"Jadi dengan bantuan sesuai mengikut keperluan ini diharapkan mereka mampu bangkit semula dan bersemangat meneruskan kehidupan, walaupun pernah berhadapan ujian sebelum ini," katanya.

Aminah berkata, sejak 13 tahun lalu Yayasan OrphanCare sudah menyelamatkan 526 bayi di seluruh negara dengan 332 bayi diam-


bil sebagai anak angkat.

Daripada 526 bayi itu, seramai 179 dijaga sendiri oleh ibu kandung, manakala 15 bayi ditempatkan di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berikutan pelbagai masalah kesihatan.

"Menerusi program Baby Hatch, kami menyediakan perlindungan sama kepada hak ibu kandung dengan memberikan

kaunseling sebelum mereka membuat keputusan sama ada untuk menjaga anak mereka sendiri atau membuat rancangan pengangkatan.

"Ini kerana, tanpa sokongan itu, ibu ini akan meninggalkan bayi mereka sedangkan untuk kepentingan terbaik anak, tinggal bersama ibu adalah pilihan terbaik," katanya.



TAJUK : MASYARAKAT KENA CAKNA BANTU MANGSA KEGANASAN RUMAH TANGGA

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 20 JUL 2023

M/SURAT : 13

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Masyarakat kena cakna bantu mangsa keganasan rumah tangga

Siti Syahirunnisa
Mat Salim,
Universiti
Pendidikan Sultan
Idris

Berdasarkan perkongsian Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sehingga 2020, sebanyak 1,047 kes keganasan rumah tangga dilaporkan. Angka itu meningkat 1,234 kes pada 2021, tetapi turun kepada 843 tahun lalu. Dari 2020 hingga 2022, 1,708 kes membabitkan mangsa berusia 22 hingga 39 tahun dengan kebanyakannya membabitkan keganasan fizikal.

Angka ini memberi isyarat kita perlu lebih mengambil peduli terhadap mangsa keganasan rumah tangga. Apatah lagi ia tidak hanya babitkan isteri atau suami, tetapi juga anak. Malah, perbuatan itu adalah jenayah berdasarkan Kanun Keseksaan dan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

Kita perlu maklum, keganasan rumah tangga bukan sahaja membabitkan penderaan fizikal, namun juga emosi, penderaan seksual, pengasingan, ugutan, penderaan ekonomi dan mengintip.

Disebabkan definisinya yang luas, ramai yang kurang faham dan berpandangan ia hanya membabitkan penderaan secara fizikal semata-mata. Sebaliknya ia juga merangkumi penderaan emosi, terutama trauma yang perlu dihadapi mangsa.

Secara umum isteri selalu menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Namun, sikap sesetengah isteri masih mahu kekal dalam rumah tangga dan berasakan cinta atau kasih sayang suami adalah hal sangat penting. Jadi, mereka enggan melaporkan kes sebegitu kepada pihak berkuasa, sebaliknya menyimpan perasaan sendiri. Hal ini menyebabkan si suami makin berani naik tangan.

Ada kala isteri berasa malu untuk tampil ke hadapan atas alasan menjaga aib suami atau malu dengan pandangan umum. Ada juga kes isteri tidak mahu berbuat demikian kerana tidak mempunyai latar ekonomi yang kukuh. Jadi, mereka

rela menjadi mangsa sepak terajang suami, malah sanggup bertahan kerana tidak mahu kehidupan anak turut terganggu andai bercerai.

Jejas kesihatan mental anak

Namun, ada kala anak turut menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Sebahagiannya tidak begitu faham mengenai apa yang berlaku. Mereka tidak berani melawan dan selalunya memilih untuk memendam rasa sehingga akhirnya menjejaskan emosi. Kesannya berpanjangan sehingga mereka meningkat dewasa.

Hal ini dikatakan demikian kerana berbanding orang dewasa, kanak-kanak lebih mudah mendapat gangguan mental kerana kekuatan pertahanan psikologi mereka lebih rapuh berbanding dewasa. Dalam jangka waktu yang panjang, jika perkara

seperti itu berlaku secara berterusan, pasti ia akan menjejaskan kesihatan mental mereka.

Terlepas daripada kata jantina, kini suami juga antara mangsa keganasan rumah tangga. Banyak kes dilaporkan membabitkan perbuatan isteri melakukan keganasan terhadap suami misalnya dipukul menggunakan kayu golf, penyapu malah ditampar. Ada juga isteri yang melakukan penderaan secara mental apabila merajuk dalam tempoh yang panjang atau menolak untuk melakukan hubungan intim dalam tempoh lama.

Siapapun mangsanya, setiap manusia ada hak untuk hidup bebas, aman dan selesa. Jadi, mereka perlu berani tampil ke hadapan melaporkan perbuatan seperti itu. Selain itu, masyarakat juga perlu berperanan dengan memberi sokongan dan bantuan yang diperlukan.





TAJUK : MURID DAKWA LEHER, BAHU CEDERA DIROTAN GURU BESAR

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 20 JUL 2023

M/SURAT : 15

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Murid dakwa leher, bahu cedera dirotan guru besar

Segamat: Seorang murid lelaki Tahun Lima sebuah sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT), di sini, mendakwa mengalami kecederaan akibat dirotan guru besar kerana tidak menyiapkan kerja sekolah.

Ketua Polis Daerah Segamat, Superintendan Ahmad Zamry Marinsah, berkata pihaknya menerima maklumat berhubung kejadian itu melalui laman Facebook Polis Daerah Segamat kira-kira jam 11, malam kelmarin.

Justeru, beliau berkata, pihaknya meminta mangsa hadir ke balai polis untuk membuat laporan mengenai insiden terbabit.

"Pada jam 12.10 tengah malam, satu laporan polis dibuat ibu mangsa mendakwa anaknya cedera di leher kiri dan bahu kiri serta calar di pipi akibat dirotan guru besar wanita berusia 50-an.

"Hasil siasatan awal mendapati murid itu dikatakan dirotan kerana gagal menyiapkan kerja sekolah dan bersikap sambil lewa


ketika sesi pembelajaran di sekolah," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Susulan itu, Ahmad Zamry berkata, polis sudah mengambil keterangan daripada guru terbabit bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksamaan.

Beliau berkata, pihaknya sedang melengkapkan kertas siasatan untuk dirujuk ke Pejabat Timbalan Pendakwa Raya bagi tindakan lanjut.



Kesan cedera pada bahagian leher dan bahu seorang murid Tahun Lima di sebuah SJKT di Segamat.
(Foto Ahmad Ismail/BH)



TAJUK : NENEK TEKAD JAGA EMPAT CUCU YATIM PIATU

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 20 JUL 2023

M/SURAT : 14

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Nenek tekad jaga empat cucu yatim piatu

Batu Gajah: "Insya-Allah, saya akan ambil tanggungjawab menjaga empat cucu selepas ini."

Demikian kata Noraini Ahmad, 63, yang kehilangan anak dan menantu serentak dalam kemalangan ketika keluar membeli barang cucunya yang baharu mendaftar di Kolej Matrikulasi Gopeng pada 10 Julai lalu.

Dalam kejadian kira-kira jam 5.20 petang itu, kereta dipandu Noraini, dipercayai hilang kawalan kerana mengelak seekor anjing, sebelum terbabas merempuh pagar sebuah kilang memproses tayar di lokasi berkenaan.

Kemalangan itu mengakibatkan anaknya, Mohd Ramddan Abd Rahim, 44, dan menantu, Kisdalliana Saad, 43, maut di tempat kejadian, manakala Noraini serta anak bongsu pasangan itu, Nur Fatimah Najihah Mohd Ramddan, 7, parah pada kepala.

Pasangan itu meninggalkan tiga lagi anak mereka, iaitu Nur Fatin Syafikah, 18; Mohd Ikman Hafifi, 17, dan Mohd Aiman Daniel, 13.

Ketika kejadian, mereka be-



rempat baru sahaja menghantar Nur Fatin Syafikah mendaftar di Kolej Matrikulasi Gopeng sebelum keluar semula untuk membeli barang.

"Ketika dirawat di hospital, saya rasa seolah-olah anak dan menantu ada di sebelah, rupa-rupanya mereka sudah meninggal dunia. Mungkin yang saya nampak itu roh mereka," kata Noraini.

Cuba elak anjing

Noraini berkata, perkara terakhir diingatkannya ketika memandu ialah beliau cuba mengelak seekor anjing yang melintas secara tiba-tiba.

"Saya mengelak anjing. Sele-



Steven (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada Muhammad Ikman Hafifi (dua dari kanan) dan Muhammad Aiman Daniel serta Noraini di Kampung Serkai Jadi Tronoh, semalam. (Foto BERNAMA)

pas mengelak itu, saya tak ingat apa yang jadi. Apabila sedar, saya sudah berada di hospital.

"Ibu mana yang tak sedih kehilangan anak dan menantu serentak dengan cara sebegini, tapi saya bersyukur kerana Allah

panjangkan umur saya," katanya ditemui ketika menerima sumbangan kerusi roda dan 'walking frame' oleh Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tronoh di Kampung Serkai Jadi, semalam.

Noraini cedera pada tulang leher dan sudah menjalani pembedahan serta dibenarkan keluar Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) Ipoh awal minggu ini.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tronoh, Steven Tiw Tee Siang, ketika ditemui berkata pihaknya membantu meringankan beban ditanggung empat anak yatim piatu berkenaan dengan mengambil mereka sebagai anak angkat dan menyumbangkan RM800 sebulan, selama setahun.

"Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga sudah berikan bantuan kecemasan RM300 kepada keluarga mangsa. Permohonan bantuan kanak-kanak bagi tiga anak mangsa (bawah usia 18 tahun) sudah diuruskan JKM, sementara proses permohonan wang pencen Allahyarham Mohd Ramddan yang berkhidmat sebagai pembantu makmal sekolah kerajaan diluluskan.

"Selain itu, Pertubuhan Amal Sahabat Perak juga menyalurkan bantuan sumbangan wang tunai RM500 kepada keluarga mangsa," katanya.



TAJUK : PEMERKASAAN UNDANG-UNDANG PEMACU KEPEMIMPINAN WANITA

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 20 JUL 2023

M/SURAT : 22

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Pemeriksaan undang-undang pemacu kepemimpinan wanita

Syor RUU sokong kesaksamaan gender dalam usaha perkenal sistem kuota

Oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Satu rang undang-undang (RUU) yang menyokong kesaksamaan gender perlu diwujudkan sebagai usaha untuk memperkasakan kepemimpinan wanita di negara ini.

Pensyarah Pusat Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Ummu Atiyah Ahmad Zakuan, berkata sekiranya cadangan RUU itu dilaksanakan, aspek kepemimpinan dalam politik, sistem kuota dan sebagainya dapat diperkenalkan untuk mencapai matlamat itu.

Katanya, pernyataan dasar 30 peratus wanita sebagai pembuat keputusan sepatutnya perlu dijadikan sebagai satu dasar yang lengkap dan mempunyai pelan strategik seperti dasar yang lain.

"Jika dasar sebegini ada, aspek kepemimpinan politik, sistem kuota

ta dapat diperkenalkan bagi mencapai matlamat itu.

"Kuota juga ada pelbagai dan kita boleh membincangkan apakah model yang digunakan, contohnya seperti dalam undang-undang pilihan raya di Indonesia dan Filipina, yang mana parti mesti menyenaraikan 30 peratus calonnya adalah wanita.

"Sekiranya gagal, parti itu tidak boleh bertanding, dan ini yang menjadikan kedua-dua negara ini menjadi negara tertinggi mempunyai peratusan wanita dalam Parlimen di Asia Tenggara.

"Malaysia tertinggal jauh di belakang dan berada di tangga kedua dari bawah," katanya dalam kajian yang dibentang dalam perbincangan meja bulat mengenai wanita dan parti politik bertajuk 'Memperkuh Penyeritaan dan Perwakilan di Jerman dan Malaysia'.

Ia turut dihadiri oleh delegasi Kesatuan Eropah (EU) dari pelbagai agensi di Berlin.

Selain itu, perlu ada undang-undang yang menyokong sama ada lelaki dan wanita untuk bergiat aktif dalam politik.

"Menerusi perkongsian di Berlin, seorang ahli Parlimen menyatakan undang-undang adalah satu faktor penting bagi membolehkan beliau dan orang lain berada dalam politik kerana sebelum ini dia penjawat awam.



Ummu Atiyah (dua dari kanan) pada perbincangan meja bulat mengenai wanita dan parti politik bertajuk 'Memperkuh Penyeritaan dan Perwakilan di Jerman dan Malaysia'.

"Dalam undang-undang mereka, sekiranya mereka meletak jawatan untuk bertanding di dalam pilihan raya dan sekiranya kalah, mereka dibenarkan kembali semula bekerja dengan status jawatan dan gaji sama ketika meletak jawatan.

"Undang-undang ini jelas memberi jaminan kepada penjawat awam yang berminat untuk terlibat dalam politik, sekali gus membolehkannya berjuang dalam politik tanpa kerisauan untuk me-

nampung keperluan keluarganya jika kalah di dalam pilihan raya," katanya.

Tingkat kesaksamaan gender

Di dalam pertemuan itu, turut dibincangkan ialah undang-undang mengenai belanjawan kewangan berasaskan keperluan dan peruntukan dalam belanjawan awam yang responsif gender, yang mana ia mampu mengenal pasti masalah yang paling asas berkaitan diskriminasi terhadap wanita atau lelaki.

Hasil pertemuan itu, wujud kerjasama dua hala serta aktif antara pihak terlibat dalam usaha untuk meningkatkan kesaksamaan gender.

Ummu Atiyah berkata, pihak EU juga menyuarakan hasrat untuk berkongsi cabaran dan pengalaman dan belajar dari Malaysia berkaitan terdapat banyak persamaan dalam usaha mencapai kesaksamaan gender ini.

"Cabaran paling besar untuk memberi kefahaman betul dan tepat apakah maksud kesaksamaan gender ini dan apakah manfaat kepada kita.

"Apabila tiada kefahaman atau kesediaan memahami, ia akan memberi tanggapan yang salah dan menyulitkan usaha pelbagai pihak, termasuk kerajaan untuk memperbaiki keadaan seperti diskriminasi terhadap wanita dalam pelbagai sektor seperti pekerjaan, politik dan kepemimpinan.

"Saya berharap kita semua dapat berperanan peranan sebaik mungkin untuk terus meningkatkan kualiti hidup rakyat dan seterusnya membawa negara ke tahap yang lebih baik dan cemerlang dalam pelbagai sektor," katanya yang akan bertanggungjawab untuk terus melakukan kajian dan advokasi berkaitan wanita dan kepemimpinan berfokus pada sektor politik.



TAJUK : TOKOH PERNAH CADANG POLIS WANITA PAKAI TUDUNG

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 20 JUL 2023

M/SURAT : 05

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Tokoh pernah cadang polis wanita pakai tudung

Kuala Lumpur: Tokoh Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 1445H/2023M, Datuk Dr Abdul Monir Yaacob pernah mencadangkan supaya Polis Diraja Malaysia (PDRM) menggalakkan polis wanita memakai tudung sebagai sebahagian daripada pakaian seragam.

Bekas Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam (IKIM) kelahiran Mengkarak, Bera, Pahang itu mengemukakan cadangan berkenaan pada 2002 ketika menggalas tanggungjawab sebagai Pengerusi Jawatankuasa Keutuhan di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Sumbangan beliau yang lain ialah penjelasan mengenai hukum hudud di TV1 atas permintaan Menteri Penerangan pada 1996, selain membentangkan kertas kerja bagi pihak Prof Tan Sri Ahmad Ibrahim di Universiti Harvard setahun kemudian.

Abdul Monir, 77, bagi pihak Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) turut menghadap Yang di-Pertuan Agong ke-12, Tuanku Syed Sirajudin Syed Putra Jamalullail berhubung banduan Islam yang menghadapi masalah untuk bersolat kerana hanya dibenar memakai baju T dan seluar pendek.

Mula berkhidmat di IKIM sebagai Felo Kanan pada 1993, tokoh ini dinaikkan pangkat Pe-

nolong Ketua Pengarah pada 1997 dan Ketua Pengarah pada 2002 hingga 2005. Selepas bersara, bertugas sebagai Profesor Jabatan Syariah dan Undang-Undang Universiti Malaya pada 2006.

Beliau dilantik Penasihat Akademik Universiti Islam Sultan Shah Ali, Brunei pada 2007 hingga 2009; Felo Akademi Pengajian Islam (2009), Ketua Pengurusan Majlis Universiti Islam Malaysia (UIM) (2011-2013), Profesor UIM (2013-2018) dan Naib Presiden UIM (2014-2018).

Detik paling berharga

Ketika ditemui pemberita selepas menerima anugerah daripada Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, Abdul Monir menyifatkan pengiktirafan itu detik paling berharga dalam hidupnya sebagai bekas ahli akademik.

"Sesiapa sahaja yang menerima anugerah ini pasti berbangga. Sebagai seorang Muslim, saya sangat bersyukur kepada Allah dan berasakan apa yang kita pernah berikan, akhirnya dihargai. Semakin besar anugerah, semakin besar tanggungjawab," katanya.

Sementara itu, Mufti Besar India, Al-Allamah Sheikh Abu Bakr Ahmad, 92, pula diumumkan To-



Abdul Monir berkongsi kegembiraan bersama ahli keluarganya pada Majlis Sambutan Maal Hijrah 1445H/2023M di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur, semalam.

koh Maal Hijrah Antarabangsa. Pemilihan kedua-dua tokoh itu diumumkan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM), Datuk Hakimah Mohd Yusoff pada majlis sambutan, di sini semalam.

Sheikh Abu Bakr dari Kerala, India, juga Setiausaha Agung India Sunni Jamiyyatul Ulama, pertubuhan ulama Islam India degan antara sumbangannya ialah mengasaskan Jamia Markaz atau Markazu Saquafathi Sunniyya pada 1978, yang men-

beri perkhidmatan pendidikan dan kemanusiaan.

Selain mengasaskan Jamia Markaz yang mempunyai lebih 130 institusi dalam pelbagai cabang ilmu dalam dan luar India serta pusat akademik terbesar di Asia, beliau turut memperkenalkan sistem universiti terbuka yang mempunyai kurikulum unik.

Antara jawatan peringkat antarabangsa pula ialah ahli Institut Pemikiran Islam Aal al-Bayt di-Raja, Jordan; Ahli Pihak Berkuasa Am Majlis Fatwa Se-

luruh Dunia, Mesir; Ahli 'Muslim Elders Council UAE' dan Ahli 'The World Muslim Communities Council', Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Beliau pakar bidang ilmu al-Quran dan hadis, terutama Kitab Sahih Bukhari, Sains 'Spiritual', Sejarah Islam dan Perundangan Islam, selain mengarang dan menerbitkan lebih 45 buku pelbagai topik dalam bahasa Arab, Urdu, Inggeris dan Melayalam serta memiliki warisan teks ulasan Sahih al-Bukhari.



TAJUK : 'MUNGKIN YANG SAYA NAMPAK ITU ROH MEREKA'

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 20 JUL 2023

M/SURAT : 12

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

'Mungkin yang saya nampak itu roh mereka'

Batu Gajah: "Ketika dirawat di hospital, saya rasa seolah-olah anak dan menantu ada di sebelah, rupa-rupanya mereka dah meninggal dunia. Mungkin yang saya nampak itu roh mereka," kata Noraini Ahmad mangsa yang terselamat dalam kemalangan di Kilometer 3.5 Jalan Gopeng-Kota Bharu, 10 Julai lalu yang meragut nyawa suami isteri.

Dalam kejadian jam 5.20 petang itu, kereta yang dipandu Noraini, 63, dipercayai hilang kawalan sebelum terbabas merempuh pagar sebuah kilang memproses tayar di lokasi berkenaan.

Kemalangan itu mengakibatkan anaknya, Mohd Ramddan Abd Rahim dan, 44, dan isteri, Kisdalliana Saad, 43, maut di tempat kejadian manakala Noraini serta anak pasangan itu, Nur Fatimah Najihah Mohd Ramddan, 7, parah di kepala.

Kematian pasangan itu meninggalkan empat anak mereka iaitu Nur Fatin Sya-



InsyaAllah...saya akan ambil tanggungjawab untuk menjaga empat cucu ini"

Noraini Ahmad

fikah, 18, Mohd Ikman Hafifi, 17, Mohd Aiman Daniel, 13 dan Nur Fatima Najihah, 7, menjadi yatim piatu dalam sekelip mata.

Menurut Noraini, perkara terakhir diingat ketika memandu adalah cuba mengelak anjing yang tiba-tiba melintas.

"Selepas mengelak saya tak ingat apa yang jadi. Apabila sedar, saya sudah berada di hospital.

"Rasa seperti arwah ada bersama saya (dirawat di wad). Mungkin rohnya, waktu itu saya tak dapat nak kata apa-apa.

"Ibu mana tak sedih ke-

hilangan anak dan menantu serentak dengan cara sebegini, tapi saya bersyukur Allah panjangkan umur saya. InsyaAllah...saya ambil tanggungjawab jaga empat cucu ini," katanya ketika ditemui ketika mendapat sumbangan kerusi roda dan alat bantuan berjalan oleh Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Tronoh di Kampung Serkali Jadi di sini, semalam.

Noraini cedera pada tulang leher dan sudah menjalani pembedahan serta dibenarkan keluar wad Hospital Raja Perempuan Bainun (HRPB) Ipoh awal minggu ini.

Sementara itu, Adun Tronoh, Steven Tiw Tee Siang, ketika ditemui berkata, pihaknya berhasrat meringankan beban ditanggung empat anak yatim piatu berkenaan dengan mengambil mereka sebagai anak angkat dan menyumbang RM800 sebulan selama setahun.

"Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga sudah be-



NORAINI (tengah) bersama cucunya, Mohd Aiman (kiri) dan Mohd Ikman. - Gambar NSTP/MUHAMAD LOKMAN KHAIRI


rikan bantuan kecemasan RM300 kepada keluarga mangsa. Permohonan bantuan kanak-kanak bagi tiga anak mangsa (di bawah usia 18 tahun) sudah diuruskan JKM sementara proses permohonan wang pencen Allahyarham Mohd Ramddan yang berkhidmat sebagai pembantu makmal sekolah kerajaan diluluskan.

"Selain itu, Pertubuhan Amal Sahabat Perak juga menyalurkan bantuan sumbangan wang tunai RM500 kepada keluarga mangsa," katanya.

Difahamkan, anak bongsu pasangan berkenaan Nur Fatimah Najihah masih berada di bawah pemantauan doktor di HRPB Ipoh selepas selamat menjalani pembe-

dahan di kepala pada 11 Julai lalu dan dijaga oleh Nur Fatin Syafikah.

Terdahulu, media melaporkan empat sekeluarga terbabat kemalangan ketika dalam perjalanan menghantar barang kepada Nur Fatin Syafikah yang baru sahaja mendaftar masuk di Kolej Matrikulasi Perak pada 10 Julai lalu.



TAJUK : 'TERIMA KASIH PULANGKAN ANAK'

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 20 JUL 2023

M/SURAT : 10

STONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

'Terima kasih pulangkan anak'

Ibu kepada Ismahalil luah rasa syukur dapat bersama semula selepas mengharungi dugaan 2 tahun

Oleh Norhayati Nordin
norhayati_nordin@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kerinduan selama dua tahun bekas penyampai radio, Ismahalil Hamzah, 50, terhadap ibunya, Salbiah Mat Noor, 88 kini terubat dengan pertemuan menyayat hati dua beranak itu di kampungnya di Sepang, Selangor.

Menerusi perkongsian video di akaun Facebook (FB) isteri Ismahalil, Nor Haslinda Abd Manaf, 48, memaparkan anak-beranak itu saling berpelukan erat bagi melepas kerinduan yang sarat dengan linangan air mata mengalir tanpa henti.

Lebih memilukan lagi, suasana sedih dan hiba itu amat dirasai dengan latar lagu Air Mata Ibu nyanyian Datuk Seri Siti Nurhaliza yang mana bait liriknya cukup membawa maksud mendalam dan



ISMAHALIL bersama ibunya, Salbiah saling berpelukan menerusi video dikongsi isterinya, Nor Haslinda di Facebook.

begitu terkesan.

Nor Haslinda dalam catatannya, mengucap syukur ke hadrat Allah SWT dan berterima kasih kepada barisan peguam berjuang membantu suaminya sehingga berjaya dibebaskan mahkamah pada Isnin lalu.

"Terima kasih Allah atas peluang ini. Terima kasih kepada peguam dan team (pasukan) yang lain kerana pulangkan anak ini bertemu ibunya. Terima kasih keluarga, kawan-kawan yang sentiasa membantu dan memberi kata semangat.

"Terima kasih untuk diri sendiri kerana dapat harungi dugaan ini. Selamat menyambut Maal Hijrah," tulisnya pada kapsyen video berserta dengan tanda pagar, #tahunbarubukubaru.

Selepas dibebaskan Mahkamah Tinggi di sini, Ismahalil yang ditemui media berkata, dia mahu mengotakan janji kepada arwah bapa untuk menjaga ibu ter-

cinta yang kini kurang sihat dan menetap di Sepang.

"Perkara pertama yang ingin saya lakukan selepas dibebaskan adalah berjumpa emak di kampung yang kini sakit dan kurang sihat.

"Saya nak balik kampung untuk jumpa emak. Saya ingin menjaganya (emak) kerana sudah berjanji pada arwah ayah. Lagipun sudah dua tahun saya tak jumpa emak," katanya.

Sebelum ini, Ismahalil berdepan pertuduhan mengedar dadah jenis kanabis seberat 374.6 gram, dua tahun lalu dan keputusan pembebasan kelmarin dibacakan Hakim Datuk Muhammad Jamil Hussin.

Pada 21 Februari lalu, Ismahalil mengaku tidak bersalah atas dakwaan mengedar dadah jenis kanabis seberat 374.6 gram di sebuah rumah di Jalan Semarak, Wangsa Maju, di sini, pada jam 5.35 petang 27 Ogos 2021.



TAJUK : CEDERA DI MUKA, BADAN KENA ROTAN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 20 JUL 2023

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



KEADAAN muka dan leher pelajar yang didakwa dirotan guru besar akibat tak siap kerja sekolah.

Cedera di muka, badan kena rotan

Segamat: Seorang pelajar lelaki Tahun Lima sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di sini cedera di badan dan muka selepas didakwa dirotan guru besar kerana tidak menyiapkan kerja sekolah.

Ketua Polis Daerah Segamat Superintendan Ahmad Zamry Marinsah berkata pihaknya menerima maklumat berhubung kejadian menerusi laman Facebook Polis Daerah Segamat jam 11 malam kelmarin.

Susulan maklumat diterima, pihaknya meminta mangsa hadir ke balai polis bagi membuat laporan.

“Pada jam 12.10 tengah malam (kelmarin), satu laporan polis dibuat ibu mangsa mengatakan anaknya cedera di leher kiri, bahu kiri dan calar di pipi akibat dirotan guru besar wanita berusia 50-an.

“Siasatan mendapati pelajar itu dirotan kerana gagal menyiapkan kerja sekolah dan sambil lewa ketika sesi pembelajaran,” katanya.

Ahmad Zamry berkata susulan polis itu pihaknya telah mengambil keterangan daripada guru berkenaan bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 324 Kanun Keseksaan.



TAJUK : MUARA KUALA DUNGUN BAK 'PUSARA' ANAK

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 20 JUL 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWK

HILANG NYAWA DI LAUTAN

Muara Kuala Dungun bak 'pusara' anak

Oleh Amir Abd Hamid dan Zatul Iffah Zolkiply
am@hmetro.com.my

Jertih

Raut wajahnya tenang namun apabila nama anak bongsu daripada sembilan beradik itu disebut, suaranya mula kendur dan cuba menahan sebak.

Malah, jelas terpancar rasa rindu Mohamed Yaakob, 79, terhadap Mohamad Zawawi, 27, yang dilaporkan hilang selepas bot dinaikinya bersama empat lagi rakan terbalik dipukul ombak di muara Kuala Dungun, Dungun pada 2017.

Mohamed beberapa kali cuba menahan air matanya ketika menceritakan kejadian menimpa anaknya.

Pada kejadian 2 Ogos itu, Mohamad Zawawi bersama Che Mohd Afendi Che Ismail, 34, dan Abdul Wahab Zakaria, 44, belum ditemui sehingga kini manakala Mohd Shazrin Yacob kini berusia 39 tahun, terselamat.

Jasad Mohd Nazri, 37, yang juga abang Mohd Shazrin ditemui pada 4 Ogos 2017.

Walaupun reda dengan ketentuan Ilahi yang anaknya sudah 'tiada' namun jauh di sudut hatinya, Mohamed ada kalanya sukar menerima ketiadaan Mohamad Zawawi kerana 'perginya' tanpa melihat jasad dan tiada kubur untuk dilawati tatkala rindu bertandang.

Menurut Mohamed, dia bukan tidak menerima takdir namun mengakui merindui anak bongsu yang rapat dengannya.

Katanya, rindu membuatkan dia ke muara Kuala

Dungun yang dianggap sebagai 'pusara' anaknya.

"Kalau rindu dia, saya bersama ahli keluarga yang lain akan ke sini (muara Kuala Dungun) dan akan membaca surah Yasin

"Kami sekeluarga meluangkan masa berjam-jam di lokasi itu dan rasa rindu itu sedikit terubat apabila berada di situ," katanya.

Sementara itu, kakak kepada Mohamad Zawawi, Norhayati, 37, berkata, bapa pada awalnya tidak boleh pergi atau berada dekat laut atau pantai selepas kejadian menimpa adiknya.

"Mula-mula, selepas kejadian menimpa adik, ayah tak pergi pantai atau laut, dia macam trauma ke sana walaupun rumah kami tidak jauh dari laut.

"Ayah baru dapat kekuatan ke pantai semula dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini sahaja dan apabila teringat adik, ayah akan ajak ke sana.

"Kami reda dengan kejadian menimpa tetapi rasa rindu kepadanya tidak pernah hilang dan apabila ada kejadian bot terbalik berlaku, mesti teringat kepadanya," katanya.

Jika keluarga kepada Mohamad Zawawi ke muara Kuala Dungun, Dungun yang dianggap sebagai 'kubur' setiap kali rindu bertandang, berlainan pula dengan Fatimah

Ibrahim, 56, yang sehingga kini tidak mampu menghampiri pantai.

Fatimah adalah isteri kepada Zakaria Omar, 58, yang hilang selepas keluar menangkap ikan pada 12 Ogos 2017.

Pada kejadian itu, Zakaria tidak pulang ke rumah seperti biasa menyebabkan Fatimah pergi ke pangkalan nelayan untuk bertanya.

Namun, hanya bot gentian kaca milik Zakaria ditemui tersadai di tepi pantai dekat Rantau Abang,

Fatimah berkata, kejadian yang menimpa suaminya-

"Kami sekeluarga meluangkan masa berjam-jam di lokasi itu Mohamed"

NORHAYATI bersama Mohamed menunjukkan gambar Mohamad Zawawi yang hilang pada 2017.



FATIMAH menunjukkan gambar Zakaria kepada cucunya di rumahnya di Kampung Jambu Bongkok, Marang.

nya membuatkan dia trauma untuk menghampiri pantai walaupun ia tidak jauh dari rumahnya.


"Kalau tengok dari jauh memang boleh tetapi untuk ke pantai, saya memang tak boleh dan saya hanya mampu berdoa setiap kali mengingati.

"Ini bukan bermakna saya tidak terima hakikat yang suami

sudah 'tiada' tetapi perginya tanpa kubur atau dapat melihat jasadnya itu membuatkan perasaan saya bercampur baur," katanya ditemui di rumahnya di Kampung Jambu Bongkok, Marang.

Tambah Fatimah, dia sudah reda dengan kejadian menimpa suaminya apatah lagi pihak berkuasa bersama penduduk sudah berusaha sedaya mungkin menjelajahi suaminya.





TAJUK : TERPAKSA TOLAK TAWARAN UiTM

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 20 JUL 2023

M/SURAT : 13

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Terpaksa **tolak** tawaran UiTM

Kekangan kewangan sebabkan pelajar bimbingan Program YPeA tak lanjut pengajian ke universiti



FATIN Nur Aqilah (kiri) bersama ibunya, Moraini ceria selepas menerima sumbangan YPeA pada Program Zlarah Jalinan Kasih YPeA di Kampung Chuchoh Puteri.

Oleh Hazira
Ahmad Zaidi
am@hmetro.com.my

Kuala Krai

Kekangan kewangan selain kesusahan keluarga menyebabkan seorang anak penoreh getah dari Kampung Chuchoh Puteri di sini, terpaksa menolak tawaran melanjutkan pengajian ke peringkat universiti.

Fatin Nur Aqilah Mat Soom, 18, berkata, selepas arwah bapanya, Mat Soom Abu Bakar meninggal dunia pada 2019 akibat masalah jantung, ibunya, Moraini Ismail, 52, menggalas tanggungjawab sebagai ketua keluarga dan bekerja mengambil upah menoreh getah.

"Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2022 yang diperolehi melayakkan saya melanjutkan pengajian di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Selangor dalam jurusan Diploma Seni Lukis dan Seni Reka.

"Bagaimanapun, saya terpaksa menolak tawaran itu kerana kekangan kewangan dan mengambil keputusan menyambung pengajian di tingkatan enam di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sultan Yahya Petra," katanya ditemui di rumah sewa keluarganya di sini, kelmarin.

Terdahulu, keluarga berkenaan dikunjungi Yayasan Petronas yang diketuai Pengurus Libat Urus Petronas Pantai Timur Jefri Mohamed Zain.

Turut hadir Pengurus Besar, Pejabat Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) Kelantan Megat Shah Rizal Noor Ikhsan.

Untuk rekod, Fatin Nur Aqilah pelajar yang menyertai Program Yayasan Petronas Empower ECER Akade-

mik (YPeA).

Fatin Nur Aqilah berkata, sebelum ini, dia pelajar tercorot, namun sebaik terpilih mengikuti Program YPeA, dia berjaya meraih keputusan 1A+, 4A, 1B, 1C dan 1D dalam peperiksaan SPM 2022.

"Saya mengikuti Program YPeA ketika berada di tingkatan empat dan menggunakan peluang yang diberikan ini untuk belajar bersungguh-sungguh bagi mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM seterusnya membanggakan keluarga.

"Keadaan hidup serba kekurangan selepas kematian ayah sejak empat tahun lalu selain melihat kepenatan ibu mencari rezeki untuk menyara kami sekeluarga menjadi pembakar semangat untuk saya belajar dengan bersungguh-sungguh, sekali gus mahu mengubah kehidupan keluarga," katanya.

Anak ketiga daripada em-

pat beradik itu berkata, untuk meneruskan kelangsungan hidup, mereka sekeluarga bergantung kepada wang pencen arwah bapa yang sebelum ini berkhidmat sebagai anggota tentera selain upah menoreh getah yang tidak menentu sekitar RM250 sebulan.


"Bagaimanapun, saya tidak pernah menjadikan faktor kemiskinan keluarga sebagai penghalang untuk berjaya," katanya.

Sementara itu, Jefri berkata, 200 pelajar tercorot di kawasan pedalaman Kuala Krai berjaya mencatat keputusan lulus 100 peratus pada peperiksaan SPM 2022 selepas mengikuti Program YPeA sesi 2022/2023.

"Program Program YPeA dilaksanakan dengan kerjasama ECERDC dan UiTM Kelantan sebagai agensi pelaksana.

"Justeru, pencapaian yang diperolehi diharapkan menjadi batu loncatan untuk mereka melakukan transformasi dalam hidup dan masa depan," katanya.

“
200 pelajar
tercorot di Kuala
Krai catat
keputusan lulus
100 peratus
”
Jefri



TAJUK : YEAR 5 STUDENT ALLEGEDLY CANED FOR NOT COMPLETING HOMEWORK

HARI : KHAMIS

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 20 JUL 2023

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

INJURIES ON BODY, FACE

Year 5 student allegedly caned for not completing homework

JOHOR BARU: A Year Five student from Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil in Segamat, has alleged that he suffered injuries on the body and face from being caned by the school's principal after failing to complete his homework.

Segamat police chief Superintendent Ahmad Zamry Marinsah said he had received information on the incident via the Segamat District Police Facebook page around 11pm on Tuesday night.

Upon receiving the information, police contacted the victim and told him to lodge a report on the incident.

"At 12.10am this morning (yesterday morning), a police report was lodged by the victim's mother, alleging that her son, who was a Year Five student at the school,

suffered injuries on the left side of the neck, left shoulder and a scratch on the cheek from the caning by the principal.

"Initial investigations revealed that the student was caned by the principal after he failed to finish

his homework and for doing badly in his studies," he said in a statement.


Zamry added that a statement was recorded from the principal after the police report to facilitate the investigation.

He also said that police would be submitting the investigation papers to the deputy public prosecutor's office for further action.

He urged the public, especially parents, to immediately notify the authorities if they believe that their children were victims of violence or bullying at school.



*Superintendent
Ahmad Zamry
Marinsah*



TAJUK : **JOBLESS LASS LOOKING AFTER BEDRIDDEN MUM AND RELATIVES**

HARI : **KHAMIS**

AKHBAR : **THE STAR**

TARIKH : **20 JUL 2023**

M/SURAT : **14**

TONE : **NEUTRAL**

SEKTOR : **KPWKM**

Jobless lass looking after bedridden mum and relatives

FOR the past three years, a 25-year-old woman has been putting aside her own needs to care for her ailing mother and three teen relatives, *Kosmo!* reported.

"I need to send my mother for dialysis treatment every week," said Nurfarrahazlin Mohd Nor, who lives in Negri Sembilan.

Her 62-year-old mother became bedridden following a stroke, while her father passed away in 2020.

Nurfarrahazlin, who is jobless since all her time is taken up being the family's caregiver, said her mother's medical treatment was covered by an Islamic body.

The youngest of six siblings, she is also looking after the three children of an older brother.

"They have lived with us for the past 14 years," she said.

She said the parents of the three children, aged between 14 and 17, have not been seen for years.

Since she has to take care of the household, Nurfarrahazlin has little time for a career of her own.

However, she is determined to continue caring for her family and she believes this is a test she must overcome.

She said her family was making do, thanks to welfare aid and her late father's disability pension from his time working as a clerk.


> *Berita Harian* reported that

dangdut singer Baby Shima has once again become a victim of cyberbullying.

She shared a post on Instagram, which showed someone accusing her of being an infidel.

Baby Shima, whose real name is Nor Ashima Ramli, said she would remain calm and await her lawyer's advice.

"May my heart be softened to not take action against this person," she said.



TAJUK : ORPHANED IN AN INSTANT AND STILL IN SHOCK

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 20 JUL 2023

M/SURAT : 13

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Orphaned in an instant and still in shock

By MANJIT KAUR
manjit@thestar.com.my

BATU GAJAH: In a split second, four children became orphans when their parents died in an accident last week.

Nur Fatin Syafikah, 18, Mohd Ikman Hafifi Mohd Ramddan, 17, Mohd Aiman Daniel, 13, and Nur Fatihah Najihah, seven, are still reeling in shock over the tragedy that happened on July 10 along Jalan Gopeng-Jalan Kota Bharu which claimed their parents' lives.

The youngest girl, who sustained severe facial injuries, has yet to be discharged from Hospital Raja Permaisuri Bainun in Ipoh. Her older sister is by her side to care for her.

Their 63-year-old grandmother, Noraini Ahmad, who drove the car, suffered neck and head injuries but has since been discharged.

Mohd Ikman Hafifi said he and his younger brother were supposed to tag along to send their sister to the Gopeng Matriculation College but at the last minute, their mother told them to remain at home.

"Later I was told by some relatives that my parents met with an accident. I thought it was just a minor accident, but then I got a call from my sister telling me that our parents are gone.

"We are all still in shock. Now I just hope my little sister will be okay and that she can come home



In memory: Mohd Ikman (right) and Mohd Aiman showing the selfie taken by their father.

soon," he said after Tronoh assemblyman Steven Tiw Tee Siang visited the family at their house in Kampung Serkai Jadi.

Tiw said he would be allocating RM200 monthly for each child for a year. He also said his service centre would be "adopting" the children during that period to take care of their needs.

The children, he said, were orphaned in a split second.

"At the time of the accident, the parents, grandmother and the youngest of the four siblings were

in the car. They had just sent the eldest girl to college and were on their way to buy pillows and other necessities for her when the accident happened," he added.


The deceased were identified as Mohd Ramddan Abd Rahim, 44, a school lab assistant, and his wife, Kisdalliana Saad, 43, who worked in a fish cracker factory in Tronoh.

Tiw also presented the grandmother with a wheelchair and walking frame, while an NGO called Pertubuhan Sahabat Amal

Perak gave RM500 to her.

Noraini, who was in tears, said it was initially a happy occasion for the family because they were going to enrol her granddaughter in college.

"My son usually disliked taking selfies but on that day, he took so many photos. He also told me to eat whatever I wanted, as everything was on him," she said, adding that her son and daughter-in-law had no driving licence, so she was usually the one who drove them around.



TAJUK : MOVE TO BOOST EDUCATION FOR REFUGEE CHILDREN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE SUN DAILY

TARIKH : 20 JUL 2023

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Move to **boost education** for refugee children

○ Local firm and social enterprise form collaboration to enhance teaching experience

■ BY ETHAN YEO
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Local education technology company BeED recently partnered with Fugee Org, an education non-profit organisation that provides formal learning to refugees.

Together, they will launch a competition called "Write for Refugees", which aims to craft lessons for the benefit of refugee children.

FugeeOrg founder and executive director Deborah Henry said refugee children come from diverse backgrounds and face many difficulties in securing good education in Malaysia.

"They go through war and conflict while moving from country to country. They lose out on many years of formal education because of the hardships they faced."

In Malaysia, close to one-third of refugees and asylum seekers are children who have very limited access to education due to their legal status, said the United Nations High Commission for Refugees.

It added that there were some 181,560 refugees here as of last month, of which 49,220 were children below 18 years.

Henry said as a transition country for refugee children, none of them stay in Malaysia permanently.

"They pass through and that can mean anything from a year to 10 years. It is a huge chunk of a child's life.

"For us, teaching children culminates in when or if they get resettled and can assimilate into their new environment.

"Adaptability does not only mean academics but includes the social and emotional welfare of our students. We had a family that resettled in Canada and contacted us after their children did so well and skipped a grade," she said.

Since its establishment in 2009, Fugee School, the education institute under FugeeOrg, has helped over 700 students. It now provides education for over 200 students each year.



Henry with a group of refugee pupils. – PIC COURTESY OF FUGEE

"However, our teachers are unable to focus on the children's psychological and socio-emotional aspects, that are desperately needed, especially after facing countless traumas to get to Malaysia," said Henry.

"So, the competition is aimed at crafting a more substantial, comprehensive and holistic education syllabus for refugee children here."

The competition, which starts in September, will be mainly held online and is open to participants from around the world.

Educators taking part in the competition are expected to compile and create lessons and materials to be used by teachers, thus reducing their burden.

"Teachers are so burdened by reporting and writing that they have less time to focus on the psychosocial aspects of the children."

The BeED chairman Michael Chian said education technology can be utilised further to develop teaching programmes for children.

"The content we gather will be built into smaller modules which will be the

foundation for other schools to use. Every school has their individual needs and can take our content to build their programmes.

"Education can be much more fun when students and teachers engage with one another. Rather than traditional teaching and reading off a PowerPoint presentation, these lessons will offer a better environment for students."

Chian added that during the competition, additional pedagogy training will be provided to participating teachers.

"BeED will be teaching everything from the basics of education to what EdTech writing is and how to get resources quickly, among others.

"Throughout the competition, training will be provided online and the channels to access them will not be closed."

He also said the plan is not to stop after the competition but efforts will be made to use any feedback and improve the programme.

"Essentially, we are evolving teachers. This is what technology does ... it evolves."